

<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Negeri Sembilan

BIL: 47/2022



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

ACIS

Safar - Rabi'ulawal 1444 / September 2022

Hilangnya Sifat Amanah Antara Petanda Dunia Akhir Zaman

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

HILANGNYA SIFAT AMANAH ANTARA PETANDA DUNIA AKHIR ZAMAN



Oleh:

Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Amanah ialah sifat mulia anjuran Islam. Ia merupakan antara sifat wajib bagi Rasul iaitu *amanah* (jujur), *siddiq* (benar), *tabligh* (menyampaikan) dan *fatanah* (bijaksana). Secara lebih khusus, junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W sendiri menunjukkan nilai amanah dalam perilaku baginda lebih awal lagi sebelum diangkat menjadi Rasul. Ini dibuktikan melalui gelaran al-Amin yang diberikan oleh masyarakat Arab sewaktu zaman belia baginda.

Lawan kepada amanah ialah khianat. Apabila amanah mula dipersiapkan maka akan berlakulah pelbagai masalah dalam kehidupan sama ada dalam rumah tangga berkeluarga, organisasi pejabat dan masyarakat, malah menjerumuskan negara di ambang kemusnahan. Bayangkan jika suami dan bapa khianat dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengemudi bahtera keluarga, sudah pasti rumah tangga itu akan porak peranda. Begitu juga para pentadbir dan pengurus di pejabat, masjid, taman perumahan, sekolah dan pusat pengajian tinggi cuai serta tidak amanah, sudah pasti pintu kerosakan akan lebih luas terbuka. Pastinya kestabilan politik akan kucar kacir jika pemerintah itu tidak jujur dalam melaksanakan amanahnya sebagai khalifah yang mentadbir negara.

Sehubungan dengan itu, al-Quran sendiri mengingatkan agar amanah itu tidak diabaikan dan diberikan kepada mereka yang berkelayakan dalam melaksanakannya. Firman Allah S.W.T. dalam al-Quran yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat" (Surah al-Nisa: 58).

Mereka yang tidak amanah dianggap sebagai golongan munafik berdasarkan hadith Nabi Muhammad S.A.W. yang bermaksud: *"Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila berbicara dia berbohong, apabila berjanji dia mengingkari, dan apabila dia diberi kepercayaan (amanah) dia khianat."* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ini menggambarkan perbuatan khianat tidak boleh dipandang sebagai satu perkara kecil kerana kesan khianat itu bukan hanya berkait kepada individu tertentu sahaja,

tetapi memberi kesan kepada keruntuhan institusi lain yang turut sama terkena tempiasnya. Sebagai contoh, seorang ketua jabatan yang khianat, dia boleh sahaja mengambil kesempatan atas perbuatan khianatnya itu mencuaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Apabila berlakunya satu kerosakan, maka dibimbangi kejahatan itu boleh sahaja dilakukan pada perkara yang lain juga.

Nabi Muhammad S.A.W. memberi isyarat, berleluasanya pecah amanah, khianat dan tidak berintegriti ini sebagai salah satu punca berlakunya kehancuran dalam masyarakat di samping tanda dekatnya hari kiamat. Dalam satu hadis yang panjang, ada disebutkan: *"Ketika Rasulullah S.A.W. berada dalam satu majlis dan berbicara dengan para sahabat, datang seorang Arab Badwi dan bertanya, bila terjadi hari kiamat? Rasulullah S.A.W. terus meneruskan perbicaraannya, sebahagian para sahabat berkata, Rasulullah S.A.W. mendengar pertanyaan itu tetapi tidak menyukai apa yang ditanyakan kepadanya itu. Berkata pula sebahagian sahabat yang lain, Rasulullah S.A.W. tidak mendengar. Setelah Rasulullah S.A.W. selesai perbicaraannya itu, Baginda bertanya, manakah orang yang bertanya tentang hari kiamat? Lelaki Badwi itu berkata, saya wahai Rasulullah. Lalu Rasulullah S.A.W. bersabda, jika amanah disia-siakan, maka tunggulah kiamat. Baginda ditanya lagi, bagaimanakah amanah itu dipersia-siakan? Jawab Baginda, jika sesuatu urusan diserahkan kepada mereka yang bukan ahlinya, maka tunggulah kedatangan hari kiamat"* (Riwayat al-Bukhari).

Memberikan jawatan atau merebut sesuatu jawatan mestilah sesuai dengan kemampuan dan kepakaran seseorang dalam bidang tersebut. Ini amat penting bagi memastikan tanggungjawab yang diberikan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Keberhasilan suatu perancangan atau pengurusan tidak dapat diperolehi melainkan orang yang mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang pengkhususannya. Hukum hakam agama tidak mampu dijawab dengan tepat jika bukan kepada ahlinya. Memberi rawatan perubatan tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya oleh mereka yang bukan bidang, begitu juga masalah-masalah politik dan pentadbiran akan jauh daripada kebenaran jika tidak difahami dan dikuasai oleh mereka yang berkebolehan dalam bidang tersebut.

Para peniaga juga mesti amanah dalam perniagaannya. Urusan berkaitan timbang menimbang, menjual barangan yang baik dan tidak tamat tempoh, memberi hak kepada pelanggan jika mereka tidak berpuas hati atau berlaku kerosakan kepada barang yang dibeli adalah antara tanggungjawab yang mesti diamalkan dalam urusan niaga. Antara pensyariat Nabi Syuaib a.s. terhadap kaumnya adalah seruan agar amanah dalam timbangan.

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: *“Dan kepada penduduk Madyan, Kami utus Syuaib, saudara mereka sendiri. Dia berkata, wahai kaumku, sembahlah Allah, tiada Tuhan yang disembah selain Dia. Sesungguhnya telah datang kepadamu bukti yang nyata dari Tuhanmu. sempurnakanlah takaran dan timbangan dan jangan kamu merugikan orang walau sedikit pun”*. (al-A'raf: 85).

Namun situasi semasa banyak memperlihatkan mereka yang mengaku ahli dan pakar dalam bidang tertentu, dengan mudah mengambil sesuatu jawatan, atau dilantik secara senang sedang dalam masa yang sama, jawatan itu tidak layak baginya. Akibatnya, matlamat yang disasarkan tidak tercapai, amanah semakin disia-siakan, pecah amanah semakin berleluasa, pandangan dan pendapat yang dikeluarkan semakin mengelirukan, hukum agama semakin diselewengkan, hasilnya keruntuhan masyarakat semakin terserlah. Inilah yang membawa kepada kehancuran seperti yang diisyaratkan melalui hadith di atas. Hadith tersebut juga dapat difahami bahawa di akhir zaman akan berlakunya banyak pengabaian dan penyelewengan melalui amanah yang dipersia-siakan.

Rasulullah mendidik para sahabat agar menjaga amanah dalam setiap pekerjaan yang mereka lakukan. Dalam beberapa siri peperangan dalam Islam, Rasulullah dan para sahabat memaparkan sendiri nilai amanah yang mesti dicontohi. Disebabkan terhakisnya nilai kejujuran, tentera Islam tewas dalam Perang Uhud iaitu apabila amanah menjaga bukit memarah ditinggalkan kerana hendak merebut harta rampasan perang. Kejayaan dalam misi Perang Khandak terbukti apabila para sahabat melaksanakan amanah menggali parit tanpa sedikit pun perasaan membantah telah menghasilkan kemenangan kepada umat Islam.

Kisah dalam Perang Mu'tah juga sewajarnya menjadi muhasabah kepada setiap individu Muslim betapa amanah yang dipertanggungjawabkan mesti dijayakan dengan penuh jujur dan berintegriti. Peperangan tersebut mencatat sejarah kerana dianggap sebagai satu perang yang besar, walaupun tentera Islam hanya berjumlah 3000 sedangkan tentera Rom berlipat kali ganda ramainya yang dianggarkan sejumlah 200 ribu orang tentera, hanya 12 orang sahaja sahabat Rasulullah yang syahid dalam peperangan tersebut.

Nilai amanah dalam perang ini ditunjukkan melalui kesungguhan para sahabat memikul tanggungjawab sebagai panglima perang yang memegang bendera panji-panji tentera Islam. Zaid bin Harithah dipertanggungjawab oleh Rasulullah memikul amanah sebagai ketua dan pembawa bendera Islam dan jika beliau gugur, maka amanah tersebut akan dipikul oleh Jaafar bin Abi Talib dan jika beliau terbunuh, amanah tersebut mesti diteruskan dan dipertanggungjawabkan kepada Abdullah bin Rawahah.

Ternyata amanah ini dipikul dengan penuh rasa tanggungjawab sehingga ketiga-tiga panglima tersebut syahid dalam peperangan tersebut. Demi menjaga amanah Rasul, Khalid bin al-Walid akhirnya dipersetujui untuk meneruskan perjuangan sehingga akhirnya tentera Islam mencapai kemenangan di medan Mu'tah.

Apa yang dapat dipelajari dan diteladani ialah, amanah itu bukan satu permainan, tetapi ia adalah satu nilai murni yang amat tinggi yang tidak harus diperjudikan demi mencapai matlamat dan kepentingan peribadi.